

23/11/2003

PM yang pergi dan PM yang datang

Noor Azam

'I do not want to have a good dream only to realise it was not good when I wake up.'

Datuk Seri Abdullah Konvensyen MIC 8 November 03

Yang terima akibat: Rakyat.

Yang sakit: Orang yang benar-benar berniaga

DALAM minggu pertama sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah mempengerusikan tiga mesyuarat peringkat tertinggi: Jemaah Menteri, Majlis Tertinggi Umno dan Dewan Tertinggi Barisan Nasional. Dalam tempoh seminggu beliau telah berdepan dengan semua pemimpin parti dan kerajaan. Salah satu agenda utama dalam ketiga-tiga mesyuarat itu adalah membanteras rasuah.

Arahannya mudah-jelas: Bekerjalah untuk rakyat. Bekerjasama dengan saya, bukan untuk saya. Mestilah bersih, cekap dan amanah. No penyelewengan and no corruption, please!

Tindak-kerjanya dilancarkan pada Sidang pertama Jemaah Menteri pada 5 November: "Fight corruption, cut red tape. Directive to ministers: Abdullah wants task force". (Tajuk berita utama NST 6 November).

Cita-citanya untuk "Membanteras rasuah hingga ke akar umbi" pertama kali diucapkan pada hari pertama beliau memangku jawatan PM bila Dr Mahathir bercuti panjang. Kali kedua di Kuching (11 Ogos lalu) ketika melancarkan 'perang rasuah' bersama dengan KSN yang mengumumkan penubuhan JKP (Integrity Management Committe). Tan Sri Shamsuddin, apa sudah jadi dengan jawatankuasa itu?

Profesi baru - 'broker-broker' yang berkeliaran di lobi hotel dan di pejabat menteri - jangan dibiarkan berkembang. Entah ia, entah tidak. Mereka sering menggunakan nama menteri dan Umno. Yang busuk nama: Umno. Yang terima akibat: Rakyat. Yang sakit parah: Orang yang benar-benar berniaga.

Harap tak ada lagi "syarikat dua ringgit" dapat projek atau tanah kerajaan. Ada pegawai kanan kerajaan yang bersara, tiba-tiba masuk syarikat dan dapat projek besar. Bila datuk-datuk dan tan sri-tan sri ini belajar berniaga? Yang sudah bertahun-tahun berniaga, ternganga-nganga, terkapai-kapai. Ada juga bekas pegawai-pegawai kerajaan yang betul-betul masuk berniaga mengaku: Sekarang baru saya tahu dan rasa!

BPR - hebat dan gerun namanya - patut jadi komando rasuah barisan depan. Tangkap kepala-kepala rasuah. Dan sesuai dengan namanya, perhebatkan tindakan "mencegah" rasuah. Berleluasanya rasuah sekarang membuktikan kegagalan BPR. Barangkali badan ini pun perlu disusun semula.

Antara sektor awam dan sektor swasta. Siapa yang mula buka mulut? KETIKA membicarakan aspek "sektor awam" dalam ucapan sulungnya di parlimen, unsur-unsur yang berkaitan dengan "rasuah" seolah-olah menjadi teras gagasannya.

Katanya: "Sektor awam berperanan penting memastikan dasar-dasar negara dilaksanakan secara berkesan - secara telus, mencerminkan imej perkhidmatan yang bersih dan bebas daripada rasuah. Sektor awam hendaklah menghayati sedalam-dalamnya slogan Bersih, Cekap dan Amanah." Menghayati! Bukan hanya jadi slogan hiasan dinding pejabat.

Tegas Pak Lah: "Rasuah adalah amalan jijik. Pendekatan lebih berkesan menangani rasuah hendaklah diterokai. Pendekatan pencegahan sama penting dengan pendekatan punitif."

Pertama kali saya mendengar pemimpin kerajaan secara tegas "menyeru supaya matlamat membina perkhidmatan awam yang sifar rasuah tidak

digagalkan oleh amalan kurang sihat di kalangan pihak swasta dan pihak yang tidak berada dalam kerajaan."

Memanglah rasuah dimulakan dan disuburkan oleh pihak swasta dan pihak-pihak di luar kerajaan. Akan tetapi sekarang tidak begitu lagi. Soal siapa yang memulakan bukan isu lagi. Rasuah besar di peringkat tinggi dirancang dan dirundingkan. Rasuah kecil-kecilan jadi seperti upah, minyak pelincir atau tanda terima kasih, sudah lumrah.

Mempercepatkan proses kelulusan dan mengurangkan 'peta merah' memang salah satu tindakan pencegahan yang baik. Akan tetapi selagi sikap terhadap rasuah tidak berubah, ia tidak dapat dibanteras. Faktor utamanya manusia, bukan undang-undang, bukan prosedur dan peraturan. Yang Pak Lah minta sokongan itu pun manusia juga. Ini kerja berat.

Manusia sekarang sangat beragam. Makin pintar tetapi jiwa kita makin lemah, harga diri kita makin murah. Kita mengaku Islam dan beribadah, tetapi tak takut hukuman Allah.

'Beritahu kepada saya maklumat yang benar. Saya bersedia penuh, sanggup mendengar apa yang benar. Kalau tidak sanggup mendengar apa yang benar, tidak payah jadi pemimpin. Kalau tidak sanggup mendengar semua, maka saya akan jadi pemimpin lemah dan sentiasa buat salah.'

Datuk Seri Abdullah Konvensyen MIC, 8 November 03

Banyak juga projek atau kontrak kerajaan yang kosnya lebih tinggi daripada kos yang sewajarnya, lambat dilaksanakan bertahun-tahun, terbelak-belak bertahun-tahun dan tak terjamin kualitasnya. Puncanya manusia: rasuah dan penyelewengan kuasa. Dan kuasa tidak saja ada di tangan pegawai, tetapi juga di tangan pemimpin politik. Sebab itulah ditegaskan: kepimpinan politik amat penting.

Sepatutnya kejayaan kita lebih hebat daripada yang kita capai sekarang. Lebih banyak hospital, sekolah, rumah guru, makmal komputer dan kompleks polis yang siap. Justeru rasuah mesti dibunuh kerana penyakit ini sama dengan virus Aids.

Kata Pak Lah (di Kuching 11 Ogos): "Corruption will weaken civil service." Rasuah dan salah guna kuasa juga akan memusnahkan kerajaan dan parti yang kuat.

Agak saya itulah sebabnya Pak Lah bermula dengan memerangi rasuah dan penyelewengan kuasa, Ia bercita-cita: "Malaysia yang lebih cemerlang, lebih gemilang, lebih terbilang".

Pesanan ibu: "Jangan lupa orang bawah"

BAGI meningkatkan perkhidmatan untuk rakyat, Pak Lah mengarahkan KSN mengetuai "pasukan petugas" bagi menyusun semula struktur dan peranan Pejabat Daerah di seluruh negara.

Jelasnya: "Ini kerana Pejabat Daerah menjadi tumpuan dan sibuk serta banyak beban dan sudah lama tidak diberikan perhatian. Begitu juga Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai peranan besar yang perlu dilaksanakan."

Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah jentera pentadbiran peringkat akar umbi yang menguruskan keperluan rakyat setiap hari. Tindakan ini menunjukkan keprihatinan bahawa perkhidmatan untuk rakyat jelata sama pentingnya dengan perkhidmatan untuk para usahawan dan saudagar jutawan. Pak Lah pasti tak akan lupa pesanan ibunya: "Jangan lupa orang bawah."

Selama 22 tahun, Dr Mahathir - walaupun dalam suasana krisis politik serius memuncak dan kedudukannya terancam - tak pernah berhenti kerja. Hasilnya kita nikmati bersama. Sekarang giliran Pak Lah pula.

Pada penutup ucapannya Pak Lah memanjatkan doa: "Kepada-Mu ya Allah, hamba-Mu ini memohon petunjuk dan hidayah, kekuatan dan kecekalan, kesabaran dan kesungguhan."

Amin ya rabbal alamin.

(No 86 Jalan SS 22/32, Damansara Jaya, Selangor - 15 November 03)

